

04 SEP 1998

Mokhtar-MT

PEMECATAN ANWAR: BUKAN KEPUTUSAN `KUKU BESI, KATA WAN MOKHTAR

BANDAR PERMAISURI, 4 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini berkata keputusan sebulat suara Majlis Tertinggi UMNO (MT) untuk memecat Timbalan Presidennya Datuk Seri Anwar Ibrahim dibuat secara musyawarah dan bukannya `kuku besi'.

Beliau berkata selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap selama setengah jam, Anwar telah diminta membuat penjelasan mengenai setiap tuduhan yang dilemparkan dan kemudiannya semua ahli MT pula diberi peluang untuk memberikan pandangan.

"Tiada `kuku besi' dan paksaan kepada semua ahli MT (untuk membuat keputusan) dan kita (MT) semuanya sebulat suara untuk menyokong Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kem Bina Semangat Pergerakan Pemuda UMNO di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Naibnya Datuk Napsiah Omar.

Wan Mokhtar berkata sebaliknya Anwar telah diberi peluang untuk membela diri dan diberi pilihan sama ada untuk mengundur diri daripada parti atau menerima keputusan MT.

"Beliau (Anwar) sebaliknya menyerahkan keputusan itu kepada MT dan kita (MT) sebulat suara menyokong keputusan itu untuk memecat beliau," katanya.

Badan Perhubungan UMNO Terengganu menyokong penuh keputusan Perdana Menteri itu dan akan memberikan penerangan mengenai perkara itu di seluruh negeri, katanya.

Ditanya pemberita di satu majlis di KEMAMAN, Wan Mokhtar berkata soal moral dikenalpsati sebagai punca utama yang membawa kepada pemecatan keahlian Anwar dalam UMNO dan perlucutan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas.

Beliau berkata keputusan Perdana Menteri itu adalah bersesuaian dan tepat demi menjaga moral dan keutuhan dalam parti.

Katanya Dr Mahahtir telah menasihatkan Anwar agar menarik diri terlebih dahulu untuk sementara sehinggalah kes beliau diputuskan oleh mahkamah, tetapi beliau (Anwar) tidak mahu berbuat demikian.

Wan Mokhtar berkata kes yang melibatkan Datuk S Nallakarupan itu yang mengaitkan soal kejatuhan moral seorang pemimpin UMNO sepatutnya dipandang oleh Anwar sebagai masalah dari sudut menjaga kestabilan politik dan sepatutnya melepaskan jawatannya lebih awal lagi bagi melancarkan perjalanan parti daripada sebarang pencemaran moral.

"Tetapi Anwar tidak mahu melepaskan jawatan itu setelah dinasihatkan dan MT terpaksa membuat keputusan (memecat beliau) itu," katanya.

-- BERNAMA

sbs su WAT